

02/01/2003

Sambutan Kemerdekaan diadakan di Putrajaya

PUTRAJAYA, Rabu - Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-46 peringkat kebangsaan Ogos depan dijangka diadakan di Putrajaya.

Pemilihan Putrajaya sebagai lokasi sambutan berkenaan sudah dimasukkan dalam kalendar Pelancongan Malaysia.

Sambutan ini mencatat sejarah tersendiri kerana selain kali pertama diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, ia acara kemerdekaan terakhir kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober depan.

Pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya adalah ilham Perdana Menteri sendiri.

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, sambutan dan perarakan sempena hari kemerdekaan dicadangkan bermula dari Dataran Putra sehingga ke Boulevard Putrajaya.